

15 OCT 1997

MEC HARAP LANTIK 600 SYARIKAT VENDOR MENJELANG 2000

KUANTAN, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC), yang akna melancarkan program pembangunan vendor esok, berharap mengumpulkan 600 syarikat vendor menjelang tahun 2000 untuk mengeluarkan barangan elektrik jenama Malaysia sendiri.

Penolong pengurus besarnya, Desmond Ong, yang mengawasi program itu, berkata langkah itu adalah untuk memaksimumkan dan mengoptimumkan sumber-sumber tempatan di dalam pengeluaran perkakas elektrik di bawah janama MEC.

Dalam peringkat pertama sepanjang 12 bulan akan datang, MEC telah bermatlamat melantik 42 pembekal, Ong memberitahu pemberita semasa lawatan media ke salah satu daripada lima buah kilang syarikat itu di MEC City di Gambang dekat sini hari ini.

"Kerajaan negeri telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 15 syarikat pembekal menjelang akhir tahun ini," katanya.

Peringkat pertama akan menumpukan juga kepada pengambilan syarikat yang erbabit dalam pembungkusan, cop dan injeksi plastik.

"Kami sedang mencari lebih banyak produk inovatif dan juga syarikat-syarikat yang mampu melabur dalam jentera dan kelengkapan," kata Ong, sambil menambah bahawa program vendor itu adalah program jangka panjang dan syarikat-syarikat yang dipilih akan berkembang dengan MEC.

Untuk memudahkan oeeprasi, kira-kira 285 hektar tanah di dalam MEC City akan diperuntukkan kepada syarikat-syarikat vendor.

Program vendor akan membantu petempatan komponen-komponen dan alat-alat yang akan memberi manfaat kepada usahawan-usahawan, terutamanya industri-industri kecil dan sederhana.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob akan merasmikan pelancaran program itu, yang akan menyaksikan penandatanganan perjanjian tiga pihak antara Kementerian Pembangunan Usahawan, MEC dan Oriental Bank Bhd.

MEC, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad, adalah anak syarikat dimiliki 60 peratus oleh Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH).

Khazanah National Bhd, anak syarikat pelaburan kerajaan, turut memiliki kepentingan saham di dalamnya.

MEC mengeluarkan perkakas terdiri daripada peti sejuk, penyaman udara, periuk nasi dan periuk tekanan hingga sistem audio-visual.

Lapan puluh peratus daripada keluaran adalah untuk pasaran eksport, kata Ong, sambil menambah bahawa MEC sedang melaksanakan pelbagai strategi untuk menarik pembeli tempatan, seperti menganjurkan pameran bergerak, menubuhkan lebih banyak pusat perkhidmatan jualan dan melantik lebih banyak pengedar.

Syarikat itu kini mempunyai rangkaian 688 pengedar dan sembilan pusat perkhidmatan jualan di seluruh negara.

Ketua pegawai operasi MEC, Neoh Kah Wah, berkata pengeluaran di lima buah kilang sedang berjalan dengan majunya.

Beliau menjangka bahawa menjelang tahun 2000 kira-kira 20 kilang perkakas elektrik akan ditempatkan di MEC City berharga RM4 bilion itu.

Apabila dimajukan sepenuhnya dan siap dalam masa 10 tahun, MEC City akan menerajui penyertaan Malaysia ke dalam industri perkakas elektrik di seluruh dunia. -- BERNAMA

ZMY OS